

30 NOV 2002

Mahathir-Nasihat

NASIHAT PERJALANAN JEJAS KEMASUKAN PELANCONGAN, KATA DR MAHATHIR

LANGKAWI, 30 Nov (bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh kebanyakan negara maju telah memberi kesan kepada sektor pelancongan negara.

"Nasihat-nasihat ini mempunyai kesan terhadap kita," katanya kepada pemberita selepas melawat projek kereta kabel Gunung Machinchang di sini.

Perdana Menteri diminta mengulas kenyataan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir mengenai kedatangan pelancong ke Malaysia yang berkurangan antara 100,000 hingga 300,000 sebulan berikutan nasihat perjalanan yang dikeluarkan oleh kebanyakan negara maju.

Dr Mahathir berkata walaupun promosi pelancongan Malaysia di luar negara mendapat sambutan baik namun tindakan sesetengah negara memasukkan Malaysia dalam senarai nasihat perjalanan telah menakutkan ramai bakal pelancong.

"Kita telahpun membantah nasihat-nasihat perjalanan itu," katanya.

Mengenai perkhidmatan kereta kabel berkenaan, Dr Mahathir berpuas hati dengan sambutan orang ramai terhadap perkhidmatan itu sejak beroperasi sebulan lepas.

Beliau berkata sebuah jambatan gantung akan dibina bagi menghubungkan stesen pertengahan dan stesen di puncak Gunung Machinchang.

Projek bernilai RM2 juta itu akan menambah satu lagi keistimewaan kepada projek kereta kabel berkenaan, katanya.

Dr Mahathir sebelum itu menyaksikan majlis menandatangani perjanjian pengurusan antara Lembaga Pembangunan Langkawi (Lada) dan Syarikat Prasarana Negara Berhad.

Lada diwakili oleh pengurus besarnya, Datuk Zainal Karib Abdul Rahim manakala Prasarana diwakili oleh Ketua Pegawai Eksekutifnya, Ridza Abdoh Salleh.

Menurut Ridza Abdoh, syarikatnya akan mengambil alih pengurusan, operasi dan penyenggaraan perkhidmatan kereta kabel berkenaan.

-- BERNAMA

NH MOZ